



- | |
|---|
| <p>1. PEGAWAI PENTADBIR PELATIH
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 2</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Dua Atas (*Upper Second Class*) / *'Distinction / Gred A'* atau gred sebanding bagi institusi pengajian tinggi yang tidak menawarkan kelulusan kepujian (*honours*) dalam peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran / Perniagaan / Ekonomi / Undang-Undang / Kejuruteraan / Kewangan / Audit / Pengajian Komputer / Sistem Maklumat / Dasar / Politik / Perhubungan atau bidang bersesuaian atau kelulusan akademik / professional sebanding.

Kelulusan yang lebih tinggi adalah satu kelebihan.

2. Umur antara 21 tahun hingga 27 tahun.
3. Berbangsa Melayu dan beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Syarat-Syarat Lain

1. Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengikuti ujian-ujian pemilihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

Syarat-Syarat Am

1. Calon-calon yang berjaya akan dikenakan syarat supaya lulus di dalam Peperiksaan Perkhidmatan Pentadbiran Brunei Darussalam dalam tempoh percubaannya selama 3 tahun.
2. Calon-calon yang berjaya mestikan bersedia berkhidmat di mana-mana sahaja samada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.
3. Lain-lain syarat perkhidmatan adalah menurut Skim Perkhidmatan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENTADBIR PELATIH:

1. Menjadi pakar rujuk bagi perkara-perkara mengenai dengan Peraturan-Peraturan Am (*General Order*) dan Peraturan-Peraturan Kewangan (*Financial Regulation*).
2. Membantu Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan membuat perancangan dan pelaksanaan dengan Kementerian / Jabatan.
3. Terlibat dalam kerja-kerja pembuatan dan pelaksanaan dasar.
4. Membuat penelitian ke atas projek-projek Kementerian dan Jabatan.
5. Membuat penelitian dan pembaharuan peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian dan Jabatan.
6. Mengawal penjimatan perbelanjaan dan penambahan pendapatan Kementerian dan Jabatan.
7. Melaksanakan penyediaan laporan tahunan Kementerian dan Jabatan.